

13 MAY 2001

PERDANA MENTERI KUNJUNGI SULTAN JOHOR

JOHOR BAHARU, 13 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengunjungi Sultan Johor di Istana Bukit Serene di sini.

Kunjungan itu berlangsung kira-kira satu jam dan Dr Mahathir dilihat meninggalkan perkarangan istana itu pada pukul 5.05 petang.

Sebelum itu Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman menyambut ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai kira-kira pukul 3.30 petang.

Abdul Ghani bagaimanapun tidak mengiringi Dr Mahathir ke Istana.

Perdana Menteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas kunjungan itu.

-- BERNAMA

RAM RON